

Indeks Daya Huni diperkenal

UM - 18/11/2021 m/s: 3

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Indeks Daya Huni Malaysia akan diperkenalkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi pelaksanaan Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN4).

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pelaksanaan melalui peranan PLANMalaysia itu memberi fokus kepada aspek daya huni yang boleh memberi nilai tambah dalam merencanakan ekonomi negara.

Beliau berkata, Indeks Daya Huni Malaysia itu akan menjadi pengukuran berimpak tinggi kepada semua lokaliti khususnya kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam memastikan perancangan perban-

daran khususnya dirangka dengan mengambil kira kesemua kriteria di bawah RFN4.

“Indeks Daya Huni ini juga akan digunakan sebagai satu instrumen dasar ke arah menilai kemampuan bandar agar matlamat RFN4 dengan didasari Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), dapat dicapai sebaiknya.

“Saya yakin, pelaksanaan RFN4 ini akan menerima komitmen semua pihak khususnya kementerian dan agensi-agensinya di peringkat Persekutuan mahupun negeri,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan sambutan 100 tahun profesion perancang bandar Malaysia (PBM) sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2021 Peringkat Kebangsaan,

semalam. Turut hadir, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

Ismail Sabri berkata, KPKT melalui PLANMalaysia telah memuktamadkan dokumen RFN Ke-4 iaitu ia satu dokumen strategik yang menggariskan dasar pembangunan spatial negara selaras dengan RMK12.

Menurut beliau, RFN4 dirangka dengan tiga teras pembangunan utama, 11 hala tuju strategik dan 39 tindakan pelaksanaan bagi memastikan Malaysia mampu menjadi sebuah negara makmur dan berdaya tahan dari segi ekonomi, alam sekitar dan keseimbangan sosial, demi menjamin kesejahteraan Keluarga Malaysia keseluruhannya.

Sementara itu, Reezal Meri-

can pula berkata, perancangan bandar pada hari ini tidak lagi hanya menumpukan aspek struktural dan pembangunan infrastruktur semata-mata, malah ia perlu melihat keperluan penting aspek kemakmuran, mobiliti sosial dan daya tahan ekonomi.

Katanya, ini termasuk mitigasi kemungkinan berlakunya kawasan bandar sebagai ‘epi-centres’ merebaknya wabak penyakit pada masa akan datang, mengambil pengajaran pandemik Covid-19.

Menurut beliau, perancangan bandar yang mengambil kira pengurusan risiko bencana dalam suasana pasca-pandemik, elemen daya tahan bandar dalam aspek perumahan dan ruang awam wajar dijadikan keutamaan.